

KETOKOHAN ZAKARIA GUNN DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT SABAH: MEMBENAM KEJUMUDAN, MEMBANGUN SEMANGAT PENCERAHAN

¹ EKO PRAYITNO JOKO

² MD. SAFFIE ABDUL

³ NORDI ACHIE

^{1&2} *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK),
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400,
Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.*

³ *Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400,
Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.*

*Penulis penghubung: ¹ekoprayitnojoko@ums.edu.my; ²pie@ums.edu.my;
³nordi@ums.edu.my*

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v1i1.5833>

PENGENALAN

Telusuran terhadap historiografi nasional menyaksikan pendokumentasian pengalaman bersifat kebangsaan dalam kalangan masyarakat Malaysia sudah lama diaplikasikan agar matlamat menghadirkan “historiografi nasional” sebagai wacana tandingan kepada “historiografi kolonial” dapat direalisasikan. Walau bagaimanapun, kecenderungan tersebut tidak bersifat meluas kerana budaya penulisan biografi lebih banyak dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat di Semenanjung, sekaligus mempengaruhi pemaknaan “historiografi nasional” yang lebih berorientasikan “semenanjung centrik” atau “Melayu centrik”. Perkara ini perlu “difikir ulang” memandangkan “historiografi nasional” adalah mengenai idea keseluruhan bangsa Malaysia yang seharusnya tidak dibatasi oleh pemisahan wilayah, pembangunan fizikal dan juga ideologi politik. Justeru, saintis sosial dan kemanusiaan di Malaysia bukan sahaja perlu memperluaskan tema penulisan dan pengaplikasian metod pengkajian, tetapi juga wilayah penelitian agar “historiografi nasional” yang disebarluaskan kepada bangsa Malaysia adalah “demokratik” sifatnya. Atas sebab itu, penulisan “sejarah dari bawah” perlu digerakkan bagi mengimbangi pendokumentasian “sejarah dari atas” manakala pemaparan “sejarah orang-orang besar” boleh dilengkapkan dengan menyetengahkan “sejarah orang biasa”. Begitu pula dengan pemusatan kepada penggunaan sumber dokumen sebagai paksi penulisan sejarah wajib diimbangi dengan pengaplikasian metod sejarah lisan yang dilihat lebih manusiawi dan mampu berfungsi menghadirkan semangat pembebasan dalam konteks “historiografi nasional”. Menyedari akan permasalahan tersebut, maka penulisan ini berusaha mendokumentasikan ketokohan Zakaria Gunn (Datuk) yang sekian lama “terpinggir” dalam historiografi lokal – Sabah dan tidak mendapat tempat selayaknya dalam “historiografi nasional”. Walhal, beliau memainkan peranan penting dalam “menjambatani” pembangunan sosio-budaya dan politik masyarakat Semenanjung dengan Sabah semasa era kolonial serta menjadi “kotak suara” dalam pemeraksanaan masyarakat Sabah selepas Malaysia dibentuk. Walau bagaimanapun, kebanyakan sumbangan ini belum didokumentasikan secara baik menyebabkan “memori

individu” bersifat kebangsaan yang dimiliki oleh Zakaria Gunn berpotensi untuk lenyap dalam lipatan sejarah masyarakat Malaysia. Justeru, pendokumentasian sumbangan Zakaria Gunn ini berpotensi memperkayakan historiografi tempatan Sabah serta mendemokrasikan

“historiografi nasional” agar bersesuaian dengan pemaknaan “anak semua bangsa” di Malaysia.

LATAR BELAKANG KEHIDUPAN DAN KERJAYA

Dalam kepercayaan masyarakat Afrika “kalau ada seorang tua meninggal, maka sebuah perpustakaan telah hilang” (Joko, 2022: 10). Atas faktor ini, James Reston mencadangkan kepada sahabat Presiden J.F. Kennedy, beberapa hari selepas kematiannya agar “catatlah ke atas kertas segala ingatan dan kenangan awak mengenai apa-apa yang telah dilafazkan atau dilakukan oleh mendiang Presiden itu. Catatan ini akan menjadi bahan kepada ahli-ahli sejarah yang akan datang. Bagi mereka yang tidak sanggup menulis, pita rakaman bolehlah digunakan untuk mengabadikan kenangan dan ingatan-ingatan itu” (Swain, 1965: 64). Gesaan ini menunjukkan bahawa dokumen akan kekal secara bergenerasi, tetapi memori individu akan pergi bersama “pelaku sejarah” sekiranya tidak didokumentasikan. Perkara ini perlu difikirkan khususnya dalam konteks “menasionalkan sejarah lokal” Sabah yang sekian lama kurang diwacanakan dalam “historiografi nasional”. Makanya, saintis sosial dan kemanusiaan perlu mendokumentasikan memori individu atau bersifat kolektif masyarakat Sabah memandangkan tema penulisannya lebih berfokuskan kepada “sejarah politik”, “sejarah dari atas” dan “sejarah orang besar”. Hakikat ini terbukti apabila pendokumentasian memori individu bersifat kebangsaan masih berpaksikan kepada ketokohan Tun Datu Mustapha Datu Harun, Tun Fuad Stephens dan O.K.K Sodomon, sedangkan terdapat individu atau masyarakat biasa yang juga memainkan peranan signifikan dalam pembangunan masyarakat Sabah. Salah seorang daripada individu penting yang memainkan peranan sebagai “kotak suara” pembebasan dan pencerahan masyarakat Sabah daripada era kolonial sehingga Malaysia dibentuk adalah Zakaria Gunn (Datuk). Walaupun mempunyai sumbangan yang cukup besar dalam pembangunan sosio-politik masyarakat Sabah, namun sehingga kini wacana dan pendokumentasian berkaitan tokoh tersebut masih kurang dihasilkan dalam historiografi Sabah. Atas faktor ini, pendokumentasian secara terperinci perlu dilakukan agar sumbangan yang sudah beliau berikan dapat diketahui oleh generasi bangsa Malaysia pada masa hadapan. Tambahan pula, ketokohan Zakaria Gunn juga diakui oleh Tun Mustapha dengan bertindak mencadangkan beliau sebagai peneraju *United Sabah Nasional Organisation* (USNO) yang baru ditubuhkan pada ketika itu. Keinginan Tun Mustapha dapat ditelusuri melalui penulisan sasterawan negara, Abdullah Hussain yang menyatakan seperti berikut:

“Tugas menubuhkan USNO sudah dikira selesai. Saya memang dari mula lagi sudah menyatakan bahawa saya tidak berhajat untuk terus memimpin USNO. Saya mahu USNO wujud dan sesudah ditubuhkan biarlah ia dipimpin oleh lain-lain orang yang lebih berkelayakan. Saya sendiri tidak punya ilmu, tidak punya pengetahuan dan tidak punya pengalaman. Saya nyatakan hasrat saya ini kepada kawan-kawan saya, malah dalam perjalanan saya yang sering keluar negeri saya sentiasa juga meminta nasihat dari Tunku Abdul Rahman Putra dan Ghazali Shafie termasuklah Zainal Abidin Sulong... Saya menghormati fikiran itu. Saya kemukakan nama-nama Said Keruak dan Zakaria Gunn untuk menjadi pemimpin USNO. Tujuan saya menyerahkan pimpinan itu kepada orang lain

bukanlah kerana hendak melarikan diri dari tanggungjawab, tetapi adalah untuk memastikan parti baru ditubuhkan itu mendapat kejayaan”

(Hussain, 1976)

Secara umumnya, ketokohan Zakaria Gunn dibentuk melalui sejarah yang panjang dan dipengaruhi oleh latar kehidupan keluarga beliau yang sememangnya prihatin dengan permasalahan masyarakat Melayu – Islam di sekitarnya. Dalam hal ini, keprihatinan keluarga Zakaria Gunn dibentuk melalui “pengalaman mereka” sebagai anak jati negeri Perak yang bukan sahaja terkesan dengan diskriminasi penjajah British, tetapi juga penguasaan ekonomi oleh golongan imigran Cina. Keprihatinan ini muncul memandangkan datuk beliau yang dikenali sebagai Md. Yusof berpeluang mendapatkan pendidikan Barat dan sering bergaul dengan masyarakat sekelilingnya, sekaligus mampu mengenalpasti keresahan masyarakat Melayu terhadap kemunduran yang terpaksa mereka hadapi akibat pelaksanaan dasar “pecah dan perintah” British. Atas sebab itu, semasa masih menetap di Perak, datuk Zakaria Gunn banyak melibatkan diri dalam usaha pemerkasaan masyarakat Melayu dengan menekankan kepentingan pendidikan kepada “anak bangsa”. Pada pandangan beliau, kemunduran dan penindasan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu disebabkan “literasi politik” mereka belum cukup meluas manakala kesedaran tentang kepentingan pendidikan sebagai medium memajukan bangsa juga belum ditanamkan secara baik. Walau bagaimanapun, usaha menanamkan semangat “pencerahan” dalam kalangan masyarakat Melayu Perak tidak berlangsung lama memandangkan Md. Yusof telah dijemput ke Brunei untuk menjadi guru bahasa Inggeris kepada Sultan Brunei¹ (Temu bual bersama Nora Zakaria Gunn, 26 Mei 2016). Semasa berada di negeri tersebut, Md. Yusof bukan sahaja mengajarkan bahasa Inggeris kepada sultan, tetapi juga memperingatkan sultan supaya sentiasa mengambil berat akan masalah rakyat dan tidak terkesan dengan dakwah British. Dalam makna lain, Md. Yusof merupakan antara kelompok terawal di Brunei yang menggerakkan semangat perjuangan terhadap masyarakat Melayu Islam meskipun tanpa melalui pertubuhan berorganisasi.

Semangat pembebasan ini kemudiannya diwarisi oleh Zakaria Gunn yang dilahirkan pada 2 November 1912 di Barakas, Brunei (Temu bual bersama Nora Zakaria Gunn, 26 Mei 2016). Meskipun begitu, Zakaria Gunn tidak sempat dibesarkan di Brunei kerana ayah beliau, Henry Gunn mendapat tawaran pekerjaan di Jabatan Perbendaharaan Pulau Labuan menyebabkan keluarganya terpaksa berhijrah ke pulau tersebut (Osman & Achie, 2011: 129). Walau bagaimanapun, pada tahun 1916 menyaksikan Henry Gunn telah meninggal dunia selepas terkena penyakit demam denggi menyebabkan keluarganya terpaksa kembali ke Brunei untuk tinggal bersama datuknya (Awang, 2016). Malang yang menimpa keluarga Zakaria Gunn berterusan dirasai apabila datuknya pula meninggal dunia pada tahun 1919 menyebabkan mereka sekeluarga memilih untuk kembali ke kampung asal ibunya, Puteh Zawiyah di Perak. Selepas kembali ke Perak, Zakaria Gunn memulakan pendidikannya di Sekolah Rendah Melayu Tapah dari tahun 1920 hingga 1925 (Awang, 2016). Semasa berada di bangku sekolah, Zakaria Gunn dikenali sebagai pelajar yang bijak kerana sering mendapat keputusan yang cemerlang. Kebijaksanaan beliau dipercayai bermula dengan minatnya yang suka membaca buku sastera dan sejarah serta terdedah dengan semangat

¹ Perkara ini tidak dijelaskan secara terperinci oleh keluarga Zakaria Gunn, namun berdasarkan kepada genealogi pemerintahan Kesultanan Brunei menyaksikan Sultan Brunei yang menjemput Md. Yusof adalah Sultan Muhammad Jamalul Alam II (1906-1924).

perjuangan masyarakat Melayu Perak yang merasa terpinggir di bawah pentadbiran Persekutuan 1896 pada ketika itu. Secara tidak langsung, melalui pembacaan buku dan pergaulan dengan masyarakat sekitarnya berjaya membentuk keperibadian dan menanamkan semangat nasionalisme yang tinggi dalam diri Zakaria Gunn. Maka tidak menghairankanlah apabila beliau akhirnya membesar sebagai seorang yang berjiwa patriotik kepada bangsa, agama dan negaranya (Temu bual bersama Nora Zakaria Gunn, 26 Mei 2016).

Di samping belajar di sekolah harian biasa, Zakaria Gunn juga dihantar ke sekolah agama (pondok) pada waktu petang untuk mendalami ilmu agama. Amalan sedemikian disebabkan sebahagian besar masyarakat Melayu khuatir sekiranya anak mereka tidak diberikan pendidikan agama yang mencukupi, dikhuatiri akidah mereka akan mudah terpesong apabila memasuki sekolah menengah (Yusoff, 2004; Osman, 1985 & 1990). Hal ini kerana, kebanyakan sekolah menengah pada masa tersebut digerakkan oleh mubaligh Kristian. Pendidikan agama yang diterapkan oleh keluarganya ini membolehkan Zakaria Gunn membesar sebagai seorang Muslim yang baik dan patuh kepada suruhan agama. Selepas menamatkan sekolah rendah dengan keputusan cemerlang, Zakaria Gunn kemudiannya terpilih mengambil peperiksaan di Anderson School, Ipoh bagi mendapatkan biasiswa melanjutkan persekolahan di peringkat menengah. Kelulusan peperiksaan ini penting untuk membolehkan beliau diterima masuk ke sekolah aliran Inggeris tanpa dikenakan sebarang bayaran. Maka sebab itu, selepas berjaya dalam peperiksaan yang diduduki, Zakaria Gunn telah diberikan biasiswa bagi melanjutkan persekolahannya di Anderson School (*Government English School*) pada tahun 1926 (Awang, 2016). Walau bagaimanapun, beliau hanya sempat bersekolah di Anderson School selama tiga tahun kerana keluarganya memilih untuk berpindah semula ke Pulau Labuan pada tahun 1929.

Foto 1: Bangunan Anderson School, Ipoh Perak



Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia, F6015.

Ketika berada di Pulau Labuan, Zakaria Gunn menyambung semula persekolahannya di *Government English School* (GES) pada tahun 1930.² Walau bagaimanapun, Zakaria Gunn tidak dapat menyelesaikan persekolahan tingkatan lima yang sedang didudukinya kerana keluarga beliau menghadapi masalah kewangan yang agak kritikal. Masalah tersebut menyebabkan Zakaria Gunn berusaha mencari kerja bagi membantu keluarganya dan kemudiannya diterima bekerja pada 18 Februari 1933 sebagai Kerani Pelatih dengan gaji sebanyak 60 sen sehari. Oleh kerana perlantikannya hanya sebagai Kerani Pelatih, maka tempoh percubaan beliau dalam jawatan tersebut mengambil masa selama tiga hingga enam bulan sebelum diserap kepada jawatan tetap. Selepas merasakan pekerjaannya agak stabil, maka pada tahun yang sama (1933), Zakaria Gunn memilih untuk mendirikan rumahtangga ketika usianya mencapai 21 tahun. Isterinya dikenali sebagai Saliah Mohd Salleh yang berasal dari Daerah Papar dan mempunyai darah keturunan etnik Kedayan. Hasil perkahwinan tersebut membolehkan Zakaria Gunn dikurniakan 12 orang cahaya mata, namun salah seorang daripada anak beliau telah meninggal dunia sewaktu masih kecil.³ Walau bagaimanapun, jodoh Zakaria Gunn dengan Saliah tidak berpanjangan kerana isterinya telah meninggal dunia pada 14 Mei 1954 selepas melahirkan anak mereka yang terakhir dan dikebumikan di tanah perkuburan Islam Kepayan (Temu bual bersama Nora Zakaria Gunn, 26 Mei 2016; Awang, 2016). Memikirkan keperluan untuk membantunya dalam menjaga dan menguruskan keperluan anak-anaknya, maka pada 8 Disember 1954 menyaksikan Zakaria Gunn melangsungkan perkahwinan keduanya dengan Halimah Ali (Temu bual bersama Nora Zakaria Gunn, 26 Mei 2016; Awang, 2016). Isteri kedua beliau merupakan seorang janda yang berasal dari Daerah Sandakan, tetapi hasil perkahwinan keduanya tidak dikurniakan sebarang cahaya mata. Oleh sebab itu, Halimah memberikan sepenuh perhatian dalam membesarkan anak Zakaria Gunn meskipun kedudukannya hanya sebagai ibu tiri.

Foto 2: Zakaria Gunn Bersama Isteri Pertama dan Kedua



Sumber: Koleksi Peribadi Zakaria Gunn.

Sepanjang kehidupan Zakaria Gunn, dirinya digambarkan sebagai ayah yang baik dan mementingkan keperluan mendapatkan pendidikan kepada semua anaknya. Oleh sebab itu, setiap daripada anak beliau dikehendaki bersekolah dan mendapatkan keputusan yang terbaik kerana percaya pendidikan mampu membentuk keperibadian dan menentukan

² Kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Labuan.

³ Anak-anak Zakaria Gunn kemudiannya diberikan nama Bibi Kasturi, Mohamad Amin, Amansyah, Rohani, Zaleha, Roesni, Noraini, Kamaliah, Norlia, Nora dan Khairati.

kejayaan masa depan mereka. Penekanan sebegini sudah pasti dipengaruhi oleh kesedaran yang dibentuk oleh datuk dan ayahnya serta keperitan hidup yang terpaksa ditanggung oleh ibunya sehingga menyebabkan keinginan beliau untuk mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi tidak menjadi kenyataan. Dalam makna lain, Zakaria Gunn berharap dengan ilmu pengetahuan – pendidikan yang diberikan kepada anaknya bukan sahaja mampu membawa kejayaan kepada mereka, tetapi juga pembangunan anak bangsa. Di samping berjuang untuk kesejahteraan keluarganya, sejarah juga memperlihatkan pengorbanan Zakaria Gunn dalam “membenam kejumudan dan membangunkan semangat pencerahan dalam kalangan masyarakat Sabah. Usaha ini digerakkan sejak penghujung tahun 1930-an di Pulau Labuan melalui Persaudaraan Sahabat Pena Labuan (PASPAL) dan Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML) sebelum dipergiatkan di Kota Kinabalu (Jesselton) pada tahun 1946. Walau bagaimanapun, sumbangan beliau dalam memupuk semangat nasionalisme dan kesedaran kebangsaan ini belum disebarluaskan secara menyeluruh sehingga menyebabkan “memori sejarah” tersebut kurang diketahui oleh rakyat Malaysia amnya dan Sabah khususnya pada masa kini.

DARI PERSAUDARAAN SAHABAT PENA KE PARTI KEBANGSAAN MELAYU

Pada pertengahan tahun 1930-an menyaksikan Zakaria Gunn telah menyertai Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) cawangan Labuan yang membawa kepada komunikasi langsung beliau dengan nasionalisme di Tanah Melayu, Sarawak dan Brunei. Komunikasi antara wilayah ini digerakkan melalui (i) pertukaran surat menyurat dan (ii) pembelian majalah PASPAM atau majalah politik lainnya yang membincangkan tentang permasalahan dan kedudukan masyarakat Melayu - Islam yang kurang terbela di bawah pentadbiran British.⁴ Pada ketika itu, Persaudaraan Sahabat Pena Labuan (PASPAL) ini kebanyakannya digerakkan oleh golongan berpendidikan seperti Zakaria Gunn, Abu Bakar Ahmad, Hassan Wahab, Aship Ahmad, Samad Hitam, Cikgu Suhaimi, Cikgu Abd. Rahman Barnawi dan Mohamad Dali. Disebabkan PASPAL merupakan sebahagian daripada cawangan PASPAM, maka matlamatnya adalah selari dengan pergerakan di wilayah terbabit. Dalam konteks ini, Zakaria Gunn menyedari bahawa kemunculan PASPAL adalah untuk meningkatkan keadaan sosial dan budaya masyarakat dengan menyediakan ruang bertukar fikiran bagi mengurangkan kadar buta huruf (Lokin, 2007: 162; Osman; 2008: 3; Adam, 2014: 99). Oleh sebab itu, kebanyakan aktiviti yang dilakukannya lebih tertumpu untuk menanamkan budaya membaca khususnya berkaitan bahasa dan kesusasteraan Melayu (Osman, 2008: 3). Usaha ini direalisasikan apabila Zakaria Gunn memilih untuk bergiat aktif menulis rencana berkaitan persoalan bahasa, sastera dan semangat nasionalisme dalam majalah PASPAM sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi (Joko, 2017). Pada masa yang sama, Zakaria Gunn dan rakan-rakannya bertindak menubuhkan ruang bacaan kepada ahli-ahli PASPAL selari dengan tindakan sama yang dilakukan oleh PASPA lain di Sabah. Penubuhan ruangan ini dipercayai berjaya menarik minat kelompoknya untuk membaca novel-novel Melayu berkaitan isu bahasa, kesusasteraan dan nasionalisme serantau di bilik bacaan yang disediakan oleh pertubuhan tersebut (Osman & Achie, 2011: 129).

⁴ Menurut catatan daripada Sabihah Osman dan Nordi Achie, Zakaria Gunn menjadi ahli PASPAM yang ke 11. Nombor keahlian ini membuktikan bahawa berkemungkinan besar beliau sudah menjadi ahli PASPAM sewaktu baru ditubuhkan di Pulau Pinang dan sebelum muncul di Sabah. Untuk keterangan lanjut sila lihat Siapa Sahabat Pena, *PASPAM*, Pulau Pinang, 1938.

Di samping bergiat dalam bidang penulisan, Zakaria Gunn juga terlibat secara aktif menggerakkan aktiviti yang dijalankan oleh PASPAL khususnya berkaitan majlis ceramah dan perjumpaan sosial bagi merapatkan hubungan serta memupuk semangat kekitaan antara sesama mereka (Osman, 2008: 3; Osman & Achie, 2011: 129). Usaha ini diperlihatkan melalui aktiviti yang dilakukan pada 15 Julai 1939 apabila Zakaria Gunn mengadakan lawatan sambil belajar ke PASPAM cawangan Brunei (Osman, 1983). Aktiviti yang dirancang ini tampaknya bukan sahaja merapatkan ahli PASPAM di luar Sabah, tetapi juga membolehkan mereka bertukar pendapat bagi memajukan pertubuhan tersebut bersandarkan kepada pengalaman di tempat masing-masing. Selain terlibat dengan lawatan muhibah antara sesama cawangan, Zakaria Gunn juga menghidupkan perasaan persaudaraan antara sesama ahli PASPAM dengan mengutus surat kepada rakan-rakannya di luar Pulau Labuan khususnya yang berada di Tanah Melayu. Perhubungan melalui kaedah berutus surat ini kebiasaannya dilakukan melalui ruangan 'Halaman Sahabat Pena' yang menghimpunkan penulisan ahli PASPAM daripada seluruh negara. Melalui ruangan tersebut, Zakaria Gunn dapat berkenalan dengan ahli PASPAM serta bertukar-tukar pendapat mengenai sesuatu isu yang hangat dibincangkan pada masa tersebut (Temu bual bersama Nora Zakaria Gunn, 9 Mei 2015).

Foto 3: Persaudaraan Sahabat Pena Labuan (PASPAL)⁵



Sumber: Koleksi Peribadi Zakaria Gunn.

Maka, tidak menghairankan apabila rangkaian persahabatan Zakaria Gunn sangat meluas meliputi Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Brunei dan Sabah itu sendiri. Rangkaian ini terbina kerana Zakaria Gunn kerap menulis rencana yang kemudiannya disiarkan dalam Majalah PASPAM untuk mengetengahkan idea berkenaan isu-isu terpilih yang sedang mendapat perhatian masyarakat sekitarnya. Sepanjang hayatnya, beliau kekal berhubungan dengan beberapa ahli PASPAM yang salah seorang daripadanya berasal dari Johor Bahru⁶ walaupun pertubuhan ini sudah berkubur selepas Perang Dunia Kedua (Temu

⁵ Berdiri: Abu Bakar Kapal, Hussien Taram dan Abdul Karim Baer. Duduk: Zakaria Gunn, Abdul Wahab Karim Dan Suhaimi Mohamad.

⁶ Bersandarkan kepada maklumat daripada Nora Zakaria menyatakan ahli PASPAM daripada Johor Bharu ini kekal menghantar surat kepada Zakaria Gunn selepas kematiannya. Selepas dua kali menghantar surat kepada Zakaria Gunn dan surat tersebut tidak berbalas, ahli PASPAM ini kembali menghantar surat bertanyakan sebab surat-surat beliau tidak berbalas. Akhirnya, Nora Zakaria membalas surat yang dikirim ini dengan menyatakan bahawa ayah

bual bersama Nora Zakaria Gunn, 9 Mei 2015). Berkuburnya PASPAL ternyata hanya dari aspek fizikalnya sahaja apabila semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat sekitarnya semakin membesar. Oleh sebab itu, gerakan yang lebih teratur dan bersifat politik jelas mula dirancang penubuhannya di Pulau Labuan yang sebahagian besarnya melibatkan bekas ahli PASPAL termasuklah Zakaria Gunn, Abu Bakar Ahmad, Hassan Wahab, Aship Ahmad, Samad Hitam Johari, Sgt. Daud Sulaiman, Cikgu Suaini, Cikgu Abdul Ahmad Bamawi dan Mohd Dali bagi meneruskan matlamat mereka untuk menjaga kebajikan, kebudayaan serta memartabatkan agama Islam (Joko, 2017; Osman, 1985).

Usaha ini mendapat tempat apabila Pertubuhan Kebangsaan Melayu Labuan (PKML) ditubuhkan dengan matlamat yang sama dengan PASPAL, tetapi lebih radikal sifatnya kerana berusaha mendapatkan kemerdekaan daripada British. Penglibatan Zakaria Gunn dalam PKML adalah secara aktif dengan kedudukannya yang pernah menjawat jawatan Naib Presiden dan Setiausaha pertubuhan sepanjang kewujudannya di Pulau Labuan (Koleksi surat Zakaria Gunn bertarikh, 29 April 1947 (Joko, 2017). Kepercayaan yang diberikan terhadap Zakaria Gunn adalah disebabkan pengalaman dan kebolehannya dalam memimpin serta mengurus organisasi, sekaligus melayakkannya untuk memimpin masyarakat Melayu Labuan yang belum memiliki semangat kebangsaan sebenar (Joko, 2017; Joko, 2016). Keadaan ini secara tidak langsung berjaya mempengaruhi kedudukan masyarakat Melayu untuk mendapatkan pembelaan yang sewajarnya kerana mereka sendiri kurang mempunyai kesedaran untuk memperbaikinya. Pada masa yang sama, Zakaria Gunn juga menyedari bahawa keinginan sebahagian masyarakat Melayu berpendidikan untuk membela kehidupan bangsanya sukar untuk dilakukan kerana ketiadaan pertubuhan bersifat kebangsaan yang wujud. Oleh sebab itu, dengan kehadiran PKML, Zakaria Gunn dan Tengku Nordin menggesa masyarakat Melayu di Pulau Labuan agar menjadi sebahagian daripada ahli pertubuhan yang bukan sahaja dapat dijadikan medium menyuarakan kepentingan mereka, tetapi juga penting dalam menyatukan masyarakat Melayu di bawah satu organisasi (Joko, 2017; Osman, 1983).

Foto 4: Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML)



Sumber: Koleksi Peribadi Zakaria Gunn

beliau telah meninggal dunia. Setelah mengetahui akan kematian Zakaria Gunn, ahli PASPAM ini memberitahu bahawa beliau akan menyedekahkan tiga puluh juzuk Al-Quran kepada rakannya itu.

Dalam usaha memperjuangkan kedudukan masyarakat Melayu, Zakaria Gunn dan rakan-rakannya dalam PKML bertindak mengkritik dasar-dasar British yang tidak bersesuaian dengan perjanjian sedia ada. Persoalan-persoalan yang melibatkan ruang pekerjaan dalam pentadbiran British, pembelaan agama Islam dan pemantapan ekonomi masyarakat Melayu yang ketinggalan berbanding golongan imigran telah dibahaskan (Joko, 2017). Usaha ini dilakukan dengan menulisnya di akhbar dan majalah, menghantar surat kepada pegawai British dan juga seruan untuk diadakan persidangan melibatkan masyarakat Melayu keseluruhannya yang berada di Kepulauan Borneo. Kemuncaknya, Zakaria Gunn melihat kemerdekaan merupakan jalan terbaik untuk memperbaiki kemudaratan yang sedang berlangsung di Kepulauan Borneo. Oleh sebab itu, British harus dikeluarkan daripada Pulau Labuan umumnya dan Sabah khususnya kerana tidak selari dengan Perjanjian Atlantik yang ditandatangani selepas Perang Dunia Kedua. Kelantangan dan komitmen yang ditunjukkan oleh Zakaria Gunn ini menyebabkan pihak British telah menukarkan beliau secara mengejut ke Jesselton (Kota Kinabalu) pada bulan Oktober 1946 (Osman & Achie, 2011).

Perpindahan tersebut tampaknya tidak dapat mematahkan perjuangan Zakaria Gunn apabila beliau telah meneruskan kegiatan berpertubuhan dengan membantu Tengku Nordin, bekas Yang Dipertua PKML menggerakkan Parti Kebangsaan Melayu Jesselton (PKMJ) (Osman & Achie, 2011: 130). Walau bagaimanapun, di Jesselton peranan beliau dalam PKMJ tidak jelas kelihatan mungkin disebabkan sekatan hebat daripada British, persengketaan antara pemimpin PKMJ dan Barisan Pemuda (BARIP) serta kesibukan dalam pekerjaannya. Pada masa yang sama, Zakaria Gunn dan ahli PKMJ dan BARIP lainnya bertindak menubuhkan Khairat Jumaat Muslimin (KJM) di Kota Kinabalu yang sebenarnya sudah wujud sejak tahun 1947, tetapi hanya didaftarkan pada tahun 1950 (Lokin, 2007: 167; Yusin, 1990: 21; Osman, 2008). Sesuai dengan matlamatnya sebagai badan kebajikan dan pusat penerangan tentang ajaran Islam melalui kegiatan dakwah dan ceramah agama, maka kebanyakan aktiviti yang disertai oleh Zakaria Gunn adalah seperti bacaan tahlil, sambutan raya, Maulidur Rasul dan ceramah agama antara sesama ahlinya khususnya di sekitar Kota Kinabalu (Lokin, 2007). Bersandarkan kepada aktiviti ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa apabila melibatkan perjuangan politik, Zakaria Gunn akan menyibukkan dirinya dalam PKMJ manakala apabila melibatkan persoalan keagamaan, beliau akan beralih kepada aktiviti yang dilakukan oleh KJM. Walau bagaimanapun, sehingga kini, tidak banyak yang diketahui berkenaan peranan Zakaria Gunn dalam memajukan KJM dan tidak pula diketahui secara jelas perjuangan dan aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan ini sepanjang kewujudannya.

Dengan itu, sekitar tahun 1954 pertubuhan ini sudah disifatkan sebagai 'hidup segan, mati tak mahu' kerana kebanyakan ahlinya telah keluar dan tidak lagi mempedulikan kewujudannya. Hanya beberapa tahun kemudiannya, Zakaria Gunn dan ahli pertubuhan KJM kembali bersatu bagi menubuhkan pula Pergaulan Ikhwanul Muslimin Sabah (PIMS)⁷

⁷ Pertubuhan ini sebenarnya menyerupai Pergaulan Ikhwanul Muslimin dari Tanah Timur Tengah yang dibawa oleh para pelajar Universiti Al-Azhar, Mesir. Kelahirannya di Sabah adalah kesan langsung daripada pengaruh semangat keislaman yang sama diperlihatkan di Tanah Melayu dan Singapura sebelum disebarluaskan ke negeri ini. Pengaruh yang dibawa diserap ke Sabah melalui akhbar dan majalah sekitar tahun 1950-an hingga 1960-an seperti *Warta Jabatan Agama Kerajaan Johor* dan *Majalah Qalam*. Bahan bacaan ini memainkan peranan penting dalam menyebarkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat Islam di Sabah kerana banyak menyiarkan maklumat berkenaan kegiatan pergerakan Islam seperti Persaudaraan Ikhwan Muslimin dan lain-lain sepeertinya.

pada tahun 1957 (Lokin, 2007: 167). Penubuhan PIMS ini sebenarnya turut diusahakan oleh Zakaria Gunn sendiri bagi menggalakkan masyarakat Islam mematuhi dan menjalankan undang-undang dasar Islam dalam kehidupan mereka (Awang, 2016: 47). Namun, nasib yang berlaku terhadap KMJ turut dirasai oleh PIMS apabila pada akhir tahun 1950-an pertubuhan ini sudah tidak kelihatan lagi. Akhirnya, usaha membangunkan organisasi berasaskan keagamaan ini dilakukan pula oleh Zakaria Gunn dengan menganggotai Persatuan Islam Sabah (PIS) yang ditubuhkan sekitar tahun 1959 oleh Haji Yusoff Shamsudin. Semasa terlibat dalam persatuan tersebut, Zakaria Gunn telah menyandang jawatan sebagai Bendahari Kehormat yang bertanggungjawab mengurus penyata kewangan. Walau bagaimanapun, pergerakan PIS adalah tidak menonjol berbanding pertubuhan Islam lainnya seperti Persatuan Islam Putatan (PIP), sekaligus mengehadkan pergerakan ahlinya termasuklah Zakaria Gunn. Malahan, kebanyakan ahlinya termasuklah Zakaria Gunn mula menumpuhkan kepada pertubuhan sosio-budaya yang dikenali sebagai Angkatan Gaya Baru (AGABA) (Awang, 2016).

ANGKATAN GAYA BARU (AGABA) DAN FASA BAHARU POLITIK SABAH

Pertubuhan ini adalah bersifat merentasi sempadan etnik dan agama, selari dengan matlamat penubuhannya untuk memartabatkan bahasa, seni budaya, perpaduan kaum dan agama masyarakat Sabah.⁸ Sejak penubuhan AGABA pada tahun 1957, banyak kejayaannya telah dirancang oleh Tun Fuad Stephens, K. Bali dan juga Zakaria Gunn seperti mengadakan Pesta AGABA, tetapi kemudiannya dikenali sebagai Pesta Kaamatan yang diadakan pada setiap tahun. Perancangan terbabit dipercayai membolehkan golongan wanita Sabah keluar daripada kepompong budaya tradisional kerana turut dilibatkan dalam pesta melalui pertunjukan dan pertandingan membuat kuih (Joko, 2022). Di samping itu, Zakaria Gunn dan rakan-rakannya juga bertindak menganjurkan pertandingan debat dan membaca sajak dalam kalangan golongan muda kerana beranggapan usaha tersebut mampu memperkasakan bahasa kebangsaan dan melahirkan masyarakat yang bijak dalam segenap kehidupan (Joko, 2022).

Semasa penularan Budaya Kuning⁹ dalam kalangan masyarakat Sabah sekitar tahun 1950-an menyaksikan Zakaria Gunn dan rakan-rakannya dalam AGABA memprotes kehadiran majalah yang kerap menyiarkan gambar berunsur lucu kerana dikhuatiri merosakkan tingkahlaku dan pemikiran masyarakat. Oleh sebab itu, AGABA meminta agar pihak kerajaan dapat menyekat kemasukan bahan bacaan yang berunsurkan Budaya Kuning, tetapi telah ditentang oleh beberapa pihak lain kerana beranggapan bahawa tindakan ini adalah bersifat kuku besi dan menghalang hak kebebasan masyarakat. Respon yang diberikan menyebabkan Zakaria Gunn mengeluarkan kenyataan bahawa cadangan daripada AGABA bukanlah suatu yang muktamad kerana rancangan terbabit juga perlu diteliti dengan sebaiknya untuk kebaikan masyarakat secara bersama. Perkara ini membawa kepada usaha Zakaria Gunn untuk mengadakan forum bagi membincangkan masalah yang

Walaupun bagaimanapun, *Majalah Qalam* yang diterbitkan di Singapura pada tahun 1950-an lebih mendapat perhatian dalam kalangan pemuda Islam di negeri ini.

⁸ AGABA mengamalkan lima dasar penting iaitu (i) bersahabat dengan jujur dan amanah, (ii) berbakti untuk diri sendiri, (iii) ahli anggota persatuan dan masyarakat, (iv) mengembangkan bahasa kebangsaan (Melayu) dan seni budaya timur serta (v) saling hormat menghormati sesama ahli.

⁹ Zakaria Gunn dan rakan-rakannya turut mengambil langkah berani dengan mengharamkan tarian Barat seperti “*Twist*” dan “*Dancing*” kerana tarian tersebut mampu menimbulkan kehairahan dan dianggap kurang sopan di mata masyarakat.

berlaku dan berharap agar Persatuan Islam Sabah (PIS) dapat mengambil bahagian serta membuat keputusan yang terbaik. Pada masa yang sama, Zakaria Gunn tetap menekankan bahawa masyarakat Timur tidak seharusnya menerima Budaya Kuning daripada luar dan memastikan adat dan budaya mereka kekal terpelihara (Joko, 2022).

Semasa menjadi Yang Dipertua AGABA pula menyaksikan Zakaria Gunn bertanggungjawab membantu masyarakat Sabah dalam hal ehwal pendidikan. Dalam hal ini, beliau sendiri telah mempengerusikan satu forum anjuran AGABA bertajuk *Public and Social* yang diadakan pada 13hb Oktober, 1966 di Maktab Kent (Joko, 2022). Majlis tersebut merupakan anjuran kali kedua AGABA bagi meninjau perkembangan bahasa dan kebudayaan dalam kalangan masyarakat Sabah. Keadaan ini menunjukkan bahawa AGABA di bawah kepimpinan Zakaria Gunn mengambil perhatian yang serius dalam hal ehwal pendidikan. Hakikat ini terbukti apabila AGABA menghantar rayuan kepada Lembaga Peperiksaan Tempatan, Universiti Cambridge di Kuala Lumpur agar membatalkan ujian kelayakan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi pelajar Sabah pada tahun 1968. Keadaan ini disebabkan, AGABA melihat ramai pelajar Sabah yang gagal menduduki SPM kerana tidak berjaya dalam ujian kelayakan yang diambil sebelumnya. Oleh sebab itu, AGABA menginginkan agar ujian kelayakan tersebut dimansuhkan dan tidak dikuatkuasakan lagi.

Sepanjang bergiat aktif dalam AGABA ini juga memperlihatkan Zakaria Gunn pernah terlibat menguruskan kedatangan rombongan besar kebudayaan dan kesenian yang dianggotai oleh artis terkenal seperti P. Ramlee, S.M Salim, Abdullah Chek, Julie Sudiro, Saloma, Kamariah Noor dan ramai lagi (Awang, 2016: 55). Begitu pula semasa berlangsungnya lawatan Diraja DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ke Sabah pada 20 Julai 1968 menyaksikan Zakaria Gunn dan ahli AGABA bertindak merancang pertunjukan kebudayaan antaranya dengan mempersembahkan tarian Zapin Bunga Raya dan Menjunjung Kebawah Duli yang dicipta sendiri oleh ahli pertubuhan tersebut (Awang, 2016). Pada masa yang sama, dalam usaha memperkasakan matlamat penubuhan AGABA berkaitan kesenian dan kebudayaan menyaksikan Zakaria Gunn dan rakan-rakannya telah merancang penerbitan risalah berkaitan aktiviti dan pemikiran ahlinya. Hasilnya, pada tahun 1964, AGABA telah melancarkan risalah tersebut yang dikenali sebagai Suara AGABA¹⁰ demi menjaga kebajikan nilai bahasa dan kebudayaan masyarakat Sabah yang diberikan secara percuma kepada ahlinya.

Penglibatan dalam memperkasakan bahasa melalui AGABA ini kemudiannya membolehkan Zakaria Gunn dilantik sebagai salah seorang ahli jawatankuasa Minggu Bahasa Kebangsaan (MBK) yang pertama kali diadakan di Sabah, menjadi hakim pertandingan lakonan pentas dan syarahan dalam beberapa pertandingan semasa minggu bahasa serta dilantik sebagai ahli jawatankuasa yang menguruskan hal ehwal kewangan semasa Seminar Bahasa anjuran AGABA (Awang, 2016; Joko, 2022). Keaktifan Zakaria Gunn dalam AGABA hanya menunjukkan kemerosotan apabila beliau diminta oleh Tun Datu Mustapha Datu Harun untuk membantunya membangunkan Sabah selepas merdeka melalui Malaysia. Keadaan ini menyebabkan Zakaria Gunn mula bergiat dalam parti politik

¹⁰ Semasa risalah ini dihasilkan, ahli jawatankuasa telah melantik K. Bali sebagai Ketua Pengarang, A. Halik K. Zaman sebagai penulis ruangan pendidikan, Awang Usman Salleh sebagai penulis ruangan berita, N. Asip Abdullah penulis ruangan sukan, S. Jamilah Abdullah penulis ruangan wanita dan Aman Shah Zakaria dilantik sebagai penulis ruangan pertanian manakala Cikgu Mursidi Nambi sebagai pelukis risalah.

yang sebenar dengan menjadi ahli *United Sabah National Organisation* (USNO) sebagai pemikir kepada Tun Mustapha. Malahan, sewaktu Tun Mustapha sibuk menguruskan kerjanya politiknya, Zakaria Gunn sebagai Timbalan Pengerusi *United Sabah Islamic Association* (USIA) mengambil alih segala tanggungjawab membangunkan masyarakat Islam daripada beliau sebagai Pengerusi pertubuhan (Temu bual bersama Nora Zakaria Gunn, 9 Mei 2015; Temu bual bersama Yusak Sadi, 26 Mei 2016).

Walaupun bagaimanapun, penglibatan Zakaria Gunn dalam pentas politik Sabah pasca kemerdekaan melalui Malaysia adalah tidak menonjol kerana hanya bertindak sebagai pemikir kepada Tun Mustapha dan pada masa yang sama sibuk dengan pekerjaannya dalam jabatan kerajaan. Pada masa tersebut, Zakaria Gunn kerap kali ditukarkan dari satu jabatan ke satu jabatan kerajaan lain dalam usaha melicinkan pentadbiran sesebuah jabatan bersandarkan pengalaman besar yang dimilikinya sejak sebelum merdeka. Perkara ini dapat diperhatikan semasa beliau bekerja di Jabatan Kerja Raya, Jabatan Penerangan Awam, Jabatan Cetak Negara, Jabatan Pendaftaran Negara dan kemudiannya menjadi Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri sebelum bersara pada 1 November 1967 setelah berkhidmat selama 30 tahun dalam hidupnya (Temu bual bersama Nora Zakaria Gunn, 9 Mei 2015; Awang, 2016). Walaupun telah bersara, pengalaman Zakaria Gunn masih diperlukan menyebabkan beliau telah dilantik menjawat jawatan penting dalam kerajaan seperti Setiausaha Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Naib Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, Ahli Majlis Tertinggi Ugama Islam Sabah, ahli Badan Amanah Taman Negara Sabah, ahli Badan Pengampunan, *Native Scholarship Committee* 1969, Jawatankuasa Amar Makrof Majlis Ugama Islam Sabah, *Native Scholarship Board*, *Juvenila Welfare Committee*, *Member of Girl Guides Association* dan *Board of Visitors Henry Gurney School*, Kepyayan. Atas sumbangan besarnya ini terhadap pembangunan masyarakat dan negeri Sabah, maka beliau telah dikurniakan Ahli Darjah Kinabalu (ADK) pada 4 Oktober 1968 dan juga Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (SPDK) pada 16 September 1973. Atas sumbangan besarnya ini, maka beliau perlu dihargai dalam konteks sejarah nasional mahupun sejarah lokal, walaupun beliau telah pergi buat selama-lamanya sejak tahun 1994 lagi (Temu bual bersama Yusak Sadi, 26 Mei 2016).

KESIMPULAN

Peranan besar Zakaria Gunn dalam konteks sejarah Sabah adalah suatu yang tidak dapat dipersoalkan lagi. Namun, sehingga kini, peranan tersebut masih tidak diketahui secara lanjut oleh sebahagian besar masyarakat kerana kurang didokumentasikan. Justeru itu, adalah sangat penting untuk kembali mengangkat peranan beliau dalam sejarah Sabah khususnya semasa era sebelum merdeka kerana mampu memberi pemahaman baru berkenaan gerakan nasionalisme awal di Sabah. Pengabdian hidup dan perjuangan bersama rakan-rakannya yang akhirnya membentuk perjalanan masyarakat dan sejarah Sabah terkemudiannya sehinggalah kemerdekaan dicapai melalui Malaysia. Justeru itu, penulisan mengenai ketokohan beliau ini sedikit sebanyak mampu mengangkat kedudukan Zakaria Gunn sebagai salah seorang tokoh penting dalam perjuangan kemerdekaan Sabah Sabah. Penelusuran terhadap peranan Zakaria Gunn akan mengisi kekurangan penulisan berkenaan tokoh-tokoh pejuang di Sabah yang sekian lama memusatkan kepada peranan Tun Mustapha dan Tun Fuad Stephens.

RUJUKAN

- Abdullah Hussain (a). 1976. *Tun Datu Mustapha Bapa Kemerdekaan Sabah*. Kuala Lumpur: M.F.I.
- Ahmat Adam. (2014). *Melayu, Nasionalisme Radikal, Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Daily Express*. AGABA Protes Budaya Kuning. 1966.
- Dg. Noor Nina Shakinah Awang. (2016). *Datuk Haji Zakaria Gunn (1912-1994)*. (Bahan Tidak Diterbitkan – Tesis Sarjana Muda). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail Yusoff. (2004). *Politik Dan Agama Di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kinabalu Times*. Angkatan Gaya Baru (AGABA) Jadi Pelopor. 1961.
- Kinabalu Times*. Kent Lanchar Minggu Bahasa. 1966.
- Majalah *Majlis Silaturahmi Persatuan Kemasyarakatan Melayu Tawau 2012: Kesenambungan Perjuangan Masyarakat Melayu Tawau*, Tawau. (2012).
- Sabah Times*. Cheramah AGABA Sentuh Vursiti Dan Mata Pelajaran Kebangsaan. Oktober 1968.
- Sabihah Osman (a). 1983. *Malaya Muslim Political Participation in Sarawak and Sabah (1841-1951)*. (Bahan Tidak diterbitkan – Tesis Phd). Hull: University of Hull.
- Sabihah Osman Dan Nordi Achie. (2011). Pelopor Persuratkhbaran Sarawak Dan Tokoh-Tokoh Sosiobudaya – Persuratan Sabah. Dlm. Abdul Rahman Ismail Dan Mahani Musa (Ed.), *Akhbar Dan Tokoh Persuratkhbaran Malaysia Kurun Ke-20*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Sabihah Osman. (1985). *Pentadbiran Pribumi Sabah 1881-1941*. Kajian Etnografi Sabah Bil. 9. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabihah Osman. (1990). *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sabihah Osman. (2008). Pembangunan Politik Sabah: Satu Penelusuran Sejarah. *Jurnal Kinabalu*. Bil. 14.
- Senarai Nama Ahli Jawatankuasa Acara Seminar Bahasa, *AGABA*. 1967.
- Siti Aidah Lokin. (2007). *Perubahan Sosioekonomi Dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Surat Awangku Amat Kepada Zakaria Gunn. 29 Januari 1947.
- Surat Hussairi Hassan, Mohamad Othman Dan Dahlan Othman Kepada Zakaria Gunn. 29 April 1947.
- Surat PKML Kepada Pegawai Daerah. 25 Februari 1947.
- Surat Setiausaha PKMJ Kepada Konsulat Republik China, Jesselton. 7 Januari 1947.
- Surat Tengku Noordin Berkenaan Pemberitahuan Kepada Ahli-Ahli PKML. 7 Januari 1947.
- Surat Tengku Noordin Kepada Abu Bakar. 22 Ogos 1946.
- Surat Tengku Noordin. *Pemuda-Pemuda Dan Pemudi-Pemudi Melayu Labuan*. 20 Ogos 1946.
- Swain, D.C. (1965). Problems for Practitioners of Oral History. *The American Archivist*. Vol. 28(1): 63-69.
- Temubual Eko Prayitno Joko Bersama Nora Zakaria Gunn. (9 Mei 2015). Kampung Likas, Kota Kinabalu.
- Temubual Eko Prayitno Joko Dengan Yusak Sadi. (26 Mei 2016). Kampung Likas.